

**UNTUK SIARAN SEGERA**

---

## **Sime Darby Property dan Tenaga Nasional Berhad Meterai Memorandum Persefahaman Untuk Inisiatif Tenaga Solar**

- Sime Darby Property mengukuhkan komitmen terhadap tenaga boleh diperbaharui menerusi kerjasama dengan syarikat utiliti elektrik nasional untuk meneroka dan membangunkan inisiatif tenaga mampan;
- Penandatanganan MoU itu melambangkan sokongan berterusan Syarikat kepada matlamat Kerajaan untuk mencapai 70% kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050.

**ARA DAMANSARA, 21 SEPTEMBER 2023** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) meneruskan perkembangan lestarinya dengan kerjasama strategik bersama Tenaga Nasional Berhad (“TNB”) untuk penerokaan dan pembangunan inisiatif tenaga mampan.

“Kerjasama ini menggambarkan strategi kami dalam membangunkan portfolio yang mampan dan berdaya maju secara komersial untuk menerajui peralihan industri harta tanah domestik kepada tenaga boleh diperbaharui. Ia juga menandakan komitmen kami untuk mengurangkan jejak karbon Syarikat serta memainkan peranan kami dalam agenda hijau negara,” kata Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican.

Menerusi kerjasama ini, kedua-dua pihak akan meneroka potensi perkongsian usaha sama untuk menyelaras penyelesaian bumbung solar di perbandaran dan pembangunan Syarikat. Projek perintis kediaman tanah termasuk pemajakan ruang bumbung serta pelaksanaan penyelesaian bumbung solar ke atas 1,000 harta tanah sedia ada mahupun akan datang di Bandar Elmina dan perbandaran yang lain.

Selain itu, Sime Darby Property dan TNB akan meneroka pelaksanaan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik dalam perbandaran dan/atau pembangunan Syarikat. Kedua-dua rakan strategik ini juga akan bekerjasama dalam meneroka penyelesaian mikrogrid di perbandaran, taman perindustrian dan bank tanah ('land bank') Sime Darby Property.

“Tenaga boleh diperbaharui bukan sekadar melibatkan penjanaan elektrik untuk menangani isu sumber terhad. Ia melibatkan pemupukan minda yang sedar akan kepentingan alam sekitar dan sosial. Dengan meneruskan inisiatif berfokuskan kemampanan, kami dapat menyokong usaha Malaysia untuk mencapai matlamat tenaga bersih dan menegakkan Matlamat kami sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet,” tambah Dato’ Azmir.

Pada 27 Julai 2023, Sime Darby Property telah mengumumkan sokongannya terhadap visi Kerajaan untuk mencapai 70% kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050 bersempena dengan pelancaran NETR Fasa 1 oleh Menteri Ekonomi, YB Mohd Rafizi Ramli.

Dalam sebuah pembentangan bertajuk Sime Darby Property – Penyelesaian Solar untuk Perbandaran ('Sime Darby Property – Solar Solutions for Townships'), Syarikat telah memetakan penglibatannya dalam penyelesaian bumbung untuk pengeluaran tenaga solar sejajar dengan pelan Syarikat untuk menjadi sebuah syarikat harta tanah dengan pelbagai aliran pendapatan menjelang 2025.

**-TAMAT SIARAN-**

**Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)